

Oleh DAENG RAMLI AKIL



Keprihatinan P. Ramlee pada Sastera Melayu dalam *Musang Berjanggung*

Sedar atau tidak, fenomena ini terjadi, iaitu unsur sastera Melayu berada semakin jauh daripada jiwa remaja belasan tahun, khususnya perempuan yang rata-rata masih bersekolah. Kajian secara rawak di seluruh negara menjurus ke arah pembelian novel kemasyarakatan yang sejak awal tahun 2016 mula menjadi laris. Apa tidaknya jika rata-rata di kedai-kedai buku popular, berpuluh ribu buah laku dalam masa sebulan. Pemerhatian menyeluruh juga diuruskan pada pengisian drama Melayu di semua stesen televisyen sejak awal tahun hingga kini yang rata-rata gersang unsur sastera. Kedua-dua genre cereka berkenaan mengandungi amat banyak ciri kekasaran berbahasa, malah turut menjadi karya yang kaya kesalahan tatabahasa, selain berpemikiran cetek, jahat serta memalukan bangsa.

Dalam konteks permasalahan berbahasa begini, penayangan kerap filem arahan P. Ramlee menerusi televisyen ada kewajarannya. Kendatipun ada pihak, malah sarjana mencemuh, namun andai kata penerbit lebih bijak, mereka boleh mengambil pendekatan meniru kaedah stesen

televisyen Eropah dan Jepun, iaitu semudah melabelkan objektif atau tema ataupun ketokohan yang dinobatkan sebagai pujaan atau idola. Sebagai contoh, untuk filem atau drama, *Kekeluargaan*, *Aksi*, *Home Box Office (HBO)* dan *Cine*. Penjenamaan semula 66 buah filem P. Ramlee boleh menghasilkan suatu impak amat positif. Keberkesanan pendidikan dan pelabelan barangkali boleh dilihat dalam Jadual 1.

Selain pelabelan, forum secara khusus menjurus ke arah pengisian karya elok diadakan, sama ada menerusi televisyen (sebaik-baiknya), mahupun di pentas sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi. Perkaitan dengan sastera, iaitu unsur yang indah dalam karya bahasa P. Ramlee tidak ketinggalan. Dalam makalah ini, penulis akan menjelaskan unsur-unsur sastera dalam filem *Musang Berjanggung* terbitan 1959. Kendatipun terbitannya 57 tahun lalu, namun kerana mutunya manusia tetap memberikan perhatian untuk mendapat faedah.

Unsur sastera yang pastinya merujuk komponen bahasa dalam filem berkualiti itu bermula dengan judul, *Musang Berjanggung*. Bentuk bahasanya

seakan-akan simpulan bahasa, iaitu dua perkataan; sekali gus dikelompokkan ke dalam peribahasa. Diperhatikan buku bahasa Melayu mahupun peribahasa terbitan bermula dekad 1950-an, tiada tercatat ungkapan ini. Yang ada, *musang berbulu ayam* yang bermaksud penjahat yang menyamar lalu berada dalam kalangan orang baik dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada orang baik yang dijadikan mangsa. *Musang berjanggung* merupakan unsur sastera yang diperkenalkan P. Ramlee dan berasaskan cerita serta watak. Rujukannya ialah Datuk Nikah Kahwin (lakonan Allahyarham Mustarjo), lelaki tua yang jahat dan suka menjadikan wanita sebagai korban.

Yang berikutnya, puisi "*Pura Cendana*" yang diperdengarkan secara berentak dan dijadikan dialog pengenalan, iaitu:

Tersebut alikisah cerita bermula
Cerita pusaka lama
Sebuah negara di Nusantara
Diberi nama Pura Cendana
Diperintah oleh seorang raja
Sultan Alam Shah Bana
Tempat berlindung rakyat jelata
Aman sentosa
Baginda sultan bersedih hati
Tidak berputera tidak berputeri
Apalah nasib di hari nanti
Siapa akan menjadi ganti.

Puisi bebas ini mengandungi unsur asonansi, iaitu vokal [a] dan [i] pada hujung ayat. Keindahan unsur ini terserlah apabila dilafazkan, dan hal yang sedemikian itulah yang dilakukan oleh P. Ramlee pada permulaan tayangan, iaitu ketika penyenaian nama kru dan tenaga produksi penting filem. Keindahan yang lain terbukti kerana adanya cerita yang mengandungi nilai akhlak, iaitu sultan berpekerti mulia hingga rakyat boleh berlindung dan hidup aman

Jadual 1

Bil.	Label	Contoh tajuk karya yang bagus
1.	Perjuangan	<i>Semerah Padi, Sargeani Hasan, Antara Dua Darjat, Musang Berjanggung, Ibu Mertuaku, Tiga Abdul, Penarek Becha, Bujang Lapok, Seniman Bujang Lapok</i> dan lain-lain.
2.	Sindiran	<i>Ali Baba Bujang Lapok, Labu Labi, Nasib Labu dan Labi</i> , dan lain-lain.

sentosa. Sultan juga dinyatakan prihatin pada masa hadapan.

Selanjutnya, unsur sastera dalam filem ini amat jelas pada seni kata lagu, iaitu:

Wahai nenek si bongkok tiga
Siang ngantuk malam berjaga
Mencari cucu di mana ada
Nenekku kahwin dengan anak raja.

Cucu-cucu tak dapat lari
Nenek tua banyak sakti
Sekarang nenek nak cari ganti
Siapa yang kena dia menjadi.

Wahai nenek situa bongkok
Mata rabun kaki kontot
Sekali cucu terkena peluk
Nenek terpeluk situk janggut.

Seni kata lagu ini digubah dalam bentuk pantun empat baris serangkap yang bunyi hujungnya

a, a, a, a, atau sekata – ada vokal [a] serta [i] serta ada konsonan [t] dan [k].


Jumlah suku kata dalam setiap baris adalah sekitar lapan hingga dua belas dan ciri yang sedemikian ini merupakan ciri keindahan atau sastera dalam pantun, selain syair. Apabila dilagukan, penyebutan atau alunan berirama sudah pasti ada tambahan nilai estetika.

Selain melihat lagu *Nenek Bongkok Tiga* pada aspek kebahasaan atau medan karya, liriknya juga kaya dengan nilai sastera, iaitu gambaran indah tentang fizikal nenek yang walaupun sudah bongkok tiga lantaran usianya tua renta, namun nenek itu kaya ilmu, iaitu “banyak kesaktian”. Gambaran bahawa nenek itu tua, bongkok dan kaki kontot atau pendek dianggap logik dan melengkapi sifat watak.

Nenek dikatakan mahu mencari ganti yang bermakna ada nilai kemasyarakatan, kekitaan (*esprit de corps*) dan tolong-menolong.

Lagu *Pura Cendana* yang disampaikan dengan diiringi tarian sepasukan penari istana dikesan nilai sasteranya pada senikata atau lirik yang kosa katanya kaya dengan unsur asonansi, iaitu permainan bunyi vokal, serta aliterasi atau permainan bunyi konsonan. Jumlah suku katanya yang antara lapan hingga dua belas juga merupakan suatu keindahan. Isi lagu tetap dianggap bernilai sastera kerana maksudnya menjurus ke arah kesentosaan, keamanan dan pemerintahan yang saksama.

Penulis memilih untuk melambatkan perbincangan tentang maksud sebaris dialog yang dilafazkan oleh watak utama



Dialaog berkenaan ialah, “perempuan menjaga maruah, tetapi betina menjual maruah”. Berfikir setakat selapis, ayat yang diketengahkan P.Ramlee ini kasar bunyinya, namun keindahannya terletak pada bahagian pertama dalam ayat, iaitu “perempuan menjaga maruah”.

cerita, iaitu Tun Nila Utama yang menjadi titik-tolak plot cerita. Dialaog berkenaan ialah, “perempuan menjaga maruah, tetapi betina menjual maruah”. Berfikir setakat selapis, ayat yang diketengahkan P.Ramlee ini kasar bunyinya, namun keindahannya terletak pada bahagian pertama dalam ayat, iaitu “perempuan menjaga maruah”.

Permulaan cerita filem sudah ditegaskan bahawa Tun Nila Utama, iaitu Raja Muda mahu berkahwin dengan perempuan, dan bukan dengan betina. Anak-

anak para pembesar istana berwajah seperti “tepung gomak” atau hodoh dan pastinya bukan perempuan. Tun Nila Utama mengembara ke serata ceruk negeri untuk mencari perempuan yang layak dikahwininya. Sesudah lama merantau, akhirnya, bertemulah dia dengan Puspawangi (lakonan Sa’adiah). Nilai sastera pada isi cerita ada pada kesungguhan, kesabaran dan kebijaksanaan watak utama.

Cerita sesudah Tun Nila Utama bernikah dengan Puspawangi jauh lebih tinggi nilai sasteranya.

P.Ramlee secara amat bijaksana mendidik, menyindir dan mengkritik sultan, khususnya, dan para menteri amnya. Akhir kisah, Sultan Alam Syah Bana mengakui bahawa diri baginda menjadi kuda, manakala para menteri menjadi katak, tikus, patung dan musang. Jesteru, apabila difikir-fikirkan, “kuasa” sastera yang dipilih oleh P.Ramlee dalam filem ini ialah untuk mendidik sultan dan para menteri dengan cara yang amat tegas, berani dan bijaksana tidak akan berupaya dilakukan kini oleh siapa pun. DB

